

27 JAN 2000

Samy-Pemilihan

SESIAPA BOLEH BERTANDING ASALKAN IKUT SYARAT, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Pertandingan untuk semua jawatan termasuk presiden dan timbalan presiden MIC pada pemilihan parti itu pada 27 Mei depan dibuka kepada semua anggota parti, kata Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Samy Vellu yang akan mempertahankan jawatannya berkata mereka yang ingin bertanding boleh mendapatkan borang daripada ibu pejabat parti di sini dan hendaklah dikembalikan antara pukul 10 pagi dan 12 tengah hari pada 6 Mei.

Persidangan perwakilan akan diadakan selama dua hari mulai 27 Mei, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat tiga jam Jawatankuasa Pusat parti di ibu pejabat parti, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan merasmikan persidangan itu.

Persidangan perwakilan bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC akan diadakan serentak pada 21 Mei.

Semua cawangan dikehendaki menyelesaikan mesyuarat mereka sebelum 29 Feb, bahagian-bahagian sebelum 31 Mac dan negeri-negeri sebelum 30 April.

"Semua jawatan -- presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden dan 23 jawatan anggota Jawatankuasa Pusat -- akan dipertandingkan. Semua ahli boleh bertanding asalkan mereka memenuhi syarat dan kelayakan," katanya.

Samy Vellu, Menteri Kerja Raya, memegang jawatan presiden MIC sejak 1981. Timbalan Presiden MIC ialah Datuk S. Subramaniam sementara tiga naib presiden sekarang ialah Datuk G. Palanivel, Datuk K. Kumaran dan Datuk M. Muthupalaniappan.

Mengenai garis panduan bagi pertandingan itu, beliau berkata MIC sudah menyiapkan peraturan mengenai perkara itu dan antara sekatannya ialah penyokong-penyokong calon dilarang daripada menjalankan kempen di hotel-hotel terutamanya pada petang menjelang pemilihan parti.

Katanya parti itu tidak menetapkan sebarang syarat untuk mereka yang berhasrat untuk bertanding bagi sebarang jawatan kecuali mereka perlu menjadi anggota parti selama lima tahun.

Ketika ditanya sama ada beliau akan dicabar dalam pemilihan kali ini, Samy Vellu berkata beliau tidak mengetahuinya dan terpulanglah kepada anggota parti untuk menentukan.

Ditanya sama ada beliau mempunyai barisan calonnya untuk pertandingan bagi jawatan tertinggi, beliau berkata: "Tiada barisan, saya tidak menyediakan barisan, setiap orang boleh bertanding sendiri-sendiri. Jika mereka menang, mereka akan menyertai pasukan kerja."

Samy Vellu juga berkata MIC tidak lama lagi akan membenarkan pergerakan Wanita dan Pemuda memilih ketua masing-masing.

Katanya parti itu akan meminda undang-undang kecilnya untuk membolehkan pergerakan itu memilih ketuanya pada pemilihan selepas ini.

"Kita akan membenarkan mereka bertanding, memilih ketua dan jawatankuasa mereka sendiri. Tidak ada pelantikan lagi seperti yang dilakukan sekarang. Kita akan membukanya dan membiarkan mereka yang terbaik bertanding dan menyertai kepimpinan parti," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA NMO